

Pantau pokok usia lebih tiga dekad

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandangkan serius kejadian pokok tumbang yang berlaku di ibu negara dan berusaha meningkatkan keselamatan menerusi kerja pemantauan dijalankan secara berterusan.

DBKL memaklumkan pemeriksaan itu memberi tumpuan kepada pokok berisiko tinggi.

Menurutnya, kontraktor dilantik menjalankan kerja pemeriksaan pokok yang berusia lebih 30 tahun atau yang mempunyai ukur lilit melebihi 1.5 meter di sekitar ibu negara sejak lima tahun lalu.

“Sehingga kini, sebanyak 175 pokok dikenal pasti berisiko tinggi dengan sebahagian besarnya berusia melebihi 50 tahun.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 147 pokok ditebang. Untuk makluman, pemeriksaan berkala dilaksanakan oleh arborist bertauliah dan pemeriksaan terakhir adalah pada Februari lalu dengan 28 pokok dikenal pasti akan ditebang dalam tempoh terdekat.

“Pokok berisiko merujuk kepada pokok yang berpotensi tinggi untuk mengalami kegagalan struktur dan tumbang.

“Pokok berisiko dikenal pasti melalui penggunaan resistograph, picus tomograph atau penilaian visual bagi mengesan kecacatan pada pokok seperti dahan dan akar rosak atau reput, struktur pokok condong atau tidak seimbang dan rekahan pada dahan dan pangkal pokok,” katanya.



SKUAD Penyelamat DBKL melakukan kerja-kerja pembersihan selepas sebatang pokok tumbang di Jalan Pinang.